

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]**  
**TARIKH : 20 MEI 2015**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan pusat akan menaik taraf Klinik Kesihatan Bintangor sebagai poliklinik dalam masa lima tahun akan datang. Adakah Klinik Kesihatan Bintangor mempunyai pegawai perubatan yang mencukupi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan kemudahan kesihatan di Klinik Kesihatan (KK) Bintangor bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk berjumlah 33,600 orang dengan kedatangan pesakit seramai 242 orang sehari.

KKM telah mempunyai perancangan untuk pembinaan baru KK Bintangor pada masa akan datang bagi mempertingkatkan kualiti kemudahan fasiliti serta menambahkan skop perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada masyarakat setempat selari dengan pembangunan sedia ada.

Buat masa ini, KK Bitangor, Meradong, Sarawak mempunyai 4 perjawatan Pegawai Perubatan yang telah diisi oleh tiga (3) orang Pegawai Perubatan. KK Bitangor juga mempunyai seorang Pakar Perubatan Keluarga. Dengan jumlah kedatangan pesakit yang seramai 242 orang sehari, keperluan perkhidmatan perawatan kepada pesakit pada masa ini adalah mencukupi. Perjawatan akan ditambah mengikut keperluan dan jumlah beban kerja.